

PM: Mesyuarat kabinet luar Putrajaya beri manfaat
Malaysiakini.com
February 9, 2011

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hari ini berkata, mesyuarat Kabinet yang diadakan di luar Putrajaya memberikan manfaat berguna kepada kerajaan.

Beliau berkata, pada masa sama anggota Kabinet juga dapat merasakan hubungan di antara mereka lebih intim dan mesra sebab berpeluang untuk berinteraksi antara satu sama lain.

"Kita buat (mesyuarat di luar) dari semasa ke semasa, tak ada sesuatu ketetapan atau kekerapan dan ikut kepada keadaan.

"Kita dapati mesyuarat di luar ada gunanya, maknanya kita dapat melihat keadaan di negeri berkenaan dan dapat peluang mendengar perkembangan semasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Kompleks Yayasan Pahang di Tanjung Lumpur di Kuantan.

Katanya, pada mesyuarat kali ini Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob memberi taklimat untuk gambaran yang lebih jelas mengenai pembangunan dan juga permasalahan di negeri berkenaan.

Mesyuarat Kabinet kali ini adalah kali pertama diadakan di luar Putrajaya selepas Najib dilantik menjadi Perdana Menteri pada April 2009.

Najib berkata, perdana menteri terdahulu juga pernah mengadakan mesyuarat Kabinet di negeri-negeri.

Ditanya sama ada mesyuarat ini adalah petanda bagi pilihan raya umum, beliau berkata, ia tidak berkaitan dengan pilihan raya dan ia adalah mesyuarat Kabinet biasa.

Katanya, mesyuarat kabinet di luar Putrajaya juga disusun dan digabung dengan program lawatan ke sesuatu kawasan bagi melihat perkembangan di peringkat lapangan.

Najib berkata, kali ini program disusun supaya anggota kabinet melihat satu projek di Pekan di mana kerajaan membantu orang miskin dengan mengamalkan prinsip Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang berbeza.

"Cara kita bantu orang miskin ini bukan sahaja kita beri (sesuatu) tetapi menambah peluang untuk mereka menambahkan pendapatan secara mapan supaya mereka terus keluar dari garis kemiskinan," katanya.

Perdana Menteri dijadualkan melawat Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Mukim Pulau Manis, Pekan, kira-kira 50 kilometer dari sini jam 3 petang ini.

- Bernama